

Hakim,  
Mahkamah Sesyen,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Majistret,  
Mahkamah Majistret,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.



Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 1993

PEMANSUHAN LITARAN MAHKAMAH SESYEN

1. Y.A.A. Hakim Besar Malaya mengarahkan bahawa mulai daripada 1 April, 1993, amalan litaran Mahkamah-Mahkamah Sesyen di Semenanjung yang diwujudkan oleh Arahan Amalan No. 4 Tahun 1988 adalah dengan ini dimansuhkan.
2. Pendaftaran Kes-Kes Jenayah.

Mulai daripada 1.4.1993 semua kes jenayah Mahkamah Sesyen hendaklah didaftarkan dan dibicarakan di Mahkamah Sesyen seperti berikut SAHAJA:-

AA  
No. 4/93 → AMPANG

Alor Setar  
Batu Pahat  
Butterworth  
Georgetown  
Ipoh  
Johor Bahru  
Kangar

Klang  
Kota Bharu  
Kuala Kangsar  
Kuala Lumpur  
Kuala Terengganu  
Kuantan  
Melaka

Muar  
Seremban  
Shah Alam  
Sungei Petani  
Taiping  
Telok Intan  
Temerloh.

3. Pemindahan Kes-Kes Yang Sedia Ada

Semua kes-kes sivil dan jenayah Mahkamah Sesyen yang telah didaftarkan di Mahkamah selain daripada yang tersebut di perenggan 2 dan tarikh perbicaraannya atau sambungan perbicaraan telah ditetapkan pada atau selepas 1.4.1993 hendaklah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen pusat dan dibicarakan di Mahkamah tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan itu. Bagi maksud perenggan ini, Mahkamah Sesyen 'pusat' ialah Mahkamah Sesyen di mana Hakim Mahkamah Sesyen pada masa kini ditempatkan, iaitu pusat litaran Mahkamah Sesyen sekarang. (Unpamanya kes-kes Mahkamah Sesyen di Bukit Mertajam dan Jawi hendaklah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen Butterworth). Rujukan untuk kes-kes yang dipindahkan bolehlah terus

menggunakan nombor asal kes itu, misalnya

Sebelum 1hb. April, 1993

Guaman Sibil Mahkamah  
Sesyen Sepang Bil.  
53-26-1992

Pada/Selepas 1hb. April, 1993

Guaman Sibil Mahkamah  
Sesyen Klang Bil.  
53-26-1992 (Sepang)

4. Pemberitahu.

Mulai daripada sekarang Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan hendaklah memberitahu dengan surat kepada -

- (a) Pendakwa/Polis dan OKT/Peguam;
- (b) Pihak Plaintif dan Defendan;

bahawa kes-kes mereka telah dipindahkan ke Mahkamah lain tetapi tarikh perbicaraan pada atau selepas 1.4.1993 tetap tidak berubah.

Pemberitahu ini boleh juga dilakukan oleh Majistret tempatan secara lisan ketika sebutan kes bagi pihak Hakim Mahkamah Sesyen.

5. Pentadbiran Mahkamah Rendah.


Walau bagaimanapun Arahan Amalan No. 4 Tahun 1988 dibaca dengan surat Bil.(14)dIm.JK/MA 38 Jld.III bertarikh 2 Februari 1989 berkenaan pentadbiran kekal berkuatkuasa dengan pindaan Hakim Litar diubah dengan perkataan Hakim Wilayah. Ini bermakna Hakim Mahkamah Sesyen terus bertanggungjawab pentadbiran Mahkamah-Mahkamah Majistret di Mahkamah-Mahkamah litaran masing-masing sekarang. Bagi tujuan melicinkan pentadbiran, Hakim Wilayah hendaklah membuat Lawatan Pemeriksaan enam bulan sekali ke setiap Mahkamah Majistret yang dipertanggungjawabkan dan menghantar Laporan Bertulis kepada Hakim Kanan Negeri selepas tiap-tiap lawatan. Giliran lawatan tersebut ditetapkan tidak melebihi satu lawatan sebulan.

Pada tiap-tiap Lawatan Pemeriksaan, Hakim Wilayah hendaklah memeriksa dan memberi perhatian kepada segala buku-buku pendaftaran kes, rekod-rekod kewangan, kes-kes tertangguh, penyata-penyata, alat-alat perabut, kelengkapan, bangunan mahkamah dan kedudukan staf sokongan dan menyediakan Laporan Lawatan Pemeriksaan Pentadbiran dengan menggunakan Lampiran A.

6. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama Arahan Amalan No. 1 Tahun 1992 dan Arahan Amalan No. 7 Tahun 1992 dengan tertakluknya Arahan Amalan ini.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

  
(MUHAMMAD IDERES BIN MUHAMMAD RAPEE)  
Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya,  
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara Malaysia.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo - untuk makluman.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung.

Y.B. Peguam Negara Malaysia.

Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,  
Mahkamah Tinggi Malaya.

Ketua Polis Negara

Ketua Pengarah,  
Badan Pencegah Rasuah,  
Peti Surat 6000, Persiaran Duta,  
50988 KUALA LUMPUR.

Ketua Pengarah,  
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja,  
Tingkat 1-6, Blok 11,  
Kompleks Kerajaan,  
Jalan Duta,  
50596 KUALA LUMPUR.

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Undang-Undang Malaysia.

Ketua Pendaftar,  
Mahkamah Agung Malaysia.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri,  
Semenanjung Malaysia.

Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Borneo,  
93506 Kuching,  
SARAWAK.

Timbalan Pendaftar,  
Mahkamah Agung/Tinggi, Kuala Lumpur.

Timbalan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi,  
88809 Kota Kinabalu,  
SABAH.

Penolong Kanan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya.

Pustakawan,  
Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.

Pustakawan,  
Jabatan Peguam Negara.

Kanun,  
Dewan Bahasa & Pustaka,  
Kuala Lumpur.

Pengerusi,  
Majlis Peguam,  
No.5, Jalan Tun Perak,  
Kuala Lumpur.

Malayan Law Journal,  
3 Shenton Way,  
# 14-03 Shenton House,  
Singapore 01-06.

Current Law Journal,  
Wisma CIJ,  
221 Jalan Negara Dua,  
Taman Melawati,  
53100 SELANGOR.

MI/f

LAPORAN LAWATAN PEMERIKSAAN PENTADBIRAN

MAHKAMAH MAJISTRET DI \_\_\_\_\_

NEGERI \_\_\_\_\_

Nama Hakim Wilayah: \_\_\_\_\_  
 ( Hakim yang menyediakan laporan)

Nama Majistret: \_\_\_\_\_

Tarikh Lawatan Dahulu: \_\_\_\_\_

Tarikh Lawatan Sekarang: \_\_\_\_\_

1. Kes Sivil				Ulasan
Kod	Daftar*	Selesai*	Tertanggung**	
71				
72				
73				
74				
75				
76				
77				
Jumlah				

Nota: \* Angka Pendaftaran/Penyelesaian Tahun ini  
 \*\* Kes Tertanggung keseluruhan pada tarikh lawatan.

2. Kes Jenayah				Ulasan
Kod	Daftar*	Selesai*	Tertanggung**	
81				
82				
83				
84				
85				
86				
87				
88				
89				
Jumlah				

Nota: \* Angka Pendaftaran/Penyelesaian Tahun ini  
 \*\* Kes Tertanggung keseluruhan pada tarikh lawatan.

3. Penyata Bulanan				Ulasan
Borang	Bagi Bulan	Disediakan pada	Tarikh Akhir Penyediaan	
MM 1 MM 2 MM 3 MM 4 MM 5 MM 6 MM 7 Courts 139				

4. Perbicaraan	Tarikh Akhir Ditetapkan
Kes Sivil  Kes Jenayah	

5. Kewangan	Ulasan
Buku Tunai Cerakinan (Kew.248) Buku Tunai Deposit (Mah.4/Pin.4/87) Buku Akaun Lejar Perseorangan (Kew.28) Buku Resit (Kew.38) Buku Panjar Wang Runcit (Kew.249) Buku Kira-Kira Belanja Pos (Kew.52/Pin.2/82) Kutipan Fee Tahun ini (RM) Kutipan Denda Tahun ini (RM)	

6. Harta	Ulasan
Bangunan Mahkamah Perabot Kelengkapan Perpustakaan	

7. Staf Sokongan		Ulasan
Jawatan	Nama	

8. Ulasan Am Hakim Wilayah;

( \_\_\_\_\_ )  
 Hakim Wilayah,  
 Mahkamah Sesyen,

Kepada:

Hakim Kanan,  
 Mahkamah Sesyen \_\_\_\_\_  
 Negeri \_\_\_\_\_

Salinan Kepada:

Pendaftar,  
 Mahkamah Tinggi Malaya,  
 Kuala Lumpur.